JUZU' KE-30

SURAH AL-GHASYIYAH

SURAH KE

88

سُورَةُ الغَاشِيَةِ

SURAH AL-GHASYIYAH

Surah Hari Malapetaka Yang Meliputi Seluruh Alam

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

26

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْغَٰشِيَةِ ﴿١﴾

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَٰشِعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾

تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ ءَانِيَةٍ ﴿٥﴾

لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ﴿٦﴾

لَّا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِى مِن جُوعٍ ﴿٧﴾

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ ﴿٨﴾ لِّسَعْيِهَا رَاضِيَةٌ ﴿٩﴾

فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةً ﴿١١﴾

فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾

وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?(1). Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang tunduk hina-dina(2). Mereka telah bekerja keras dan letih lesu(3). Mereka memasuki Neraka yang amat panas(4).Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan(7). Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang halus berseri(8). Kerana mereka berpuashati dengan amalan-amalan mereka(9). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi(10).Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia(11). Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir(12). Dan takhta-takhta yang tinggi(13). Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang(14). Dan bantal-bantal yang tersusun rapi."(15).

وَزَرَابِىُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٦﴾

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾

وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾

وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

فَذَكِّرْ إِنَّمَآ أَنتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾

لَّسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾

إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾

فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾

إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُم ﴿٢٦﴾

"Dan permaidani-permaidani yang terhampar(16). Tidakkah mereka melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan?(17). Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?(18). Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?(19). Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?(20).Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan peringatan kerana tugas engkau hanya sebagai penyampai peringatan sahaja(21). Engkau bukannya bertugas sebagai pemaksa ke atas mereka(22). Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar(24). Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu surah yang mengandungi nada-nada pertanyaan yang mendalam, tenang dan membangkitkan minat untuk berfikir, dan merenungi kejadian-kejadian Allah, juga mengembangkan harapan dan cita-cita, dan seterusnya merangsangkan perasaan takut kepada Allah dan bimbang kepada proses Hisab pada Hari Qiamat.

Surah ini membawa hati manusia menjelajah dua ruangan yang amat luas iaitu ruang Akhirat dengan alamnya yang luas dan pemandangan-pemandangannya yang menarik, dan ruang alam dunia yang lebar dan terbentang kepada semua penglihatan mata dengan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di dalam semua makhluk ciptaan-Nya

yang dipamerkan kepada semua manusia. Kemudian setelah selesai dari dua penjelajahan ini ia mengingatkan manusia tentang Hisab di Hari Akhirat, tentang penguasaan Allah yang penuh di hari itu dan tentang kepastian kembalinya seluruh manusia kepada Allah di akhir penjelajahan hidupnya. Semuanya dibentangkan dalam gaya pernyataan yang mendalam, tenang, tetapi menembusi lubuk hati, teratur rapi, tetapi ngeri.

* * * * * *

Nama-nama Hari Qiamat Di Dalam Al-Qur'an

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?"(1)

Dengan ayat ini dimulakan surah ini. Tujuannya ialah untuk mengembalikan hati manusia kepada Allah dan mengingatkan mereka terhadap bukti-bukti kekuasaan-Nya di alam ini dan tentang Hisab dan Balasannya di Hari Akhirat yang tetap akan berlaku. Pertanyaan ini menunjukkan kehebatan Hari Qiamat, dan serentak itu juga menunjukkan bahawa persoalan Akhirat yang telah pun dijelaskan dan diperingatkan sebelum ini.

Surah ini juga menamakan Hari Qiamat dengan nama yang baru iaitu **الغاشية** yang bererti Hari Qiamat yang menyelubungi manusia dengan segala malapetakanya yang dahsyat. Ia merupakan salah satu dari nama-nama baru bagi Qiamat yang disebut di dalam Juzu' 'Amma ini iaitu **الطامة**, **الصاخة**, **الحاقة**, dan **القارعة** yang sesuai dengan sifat Juzu' 'Amma yang terkenal itu.

Pertanyaan:

"Adakah telah sampai kepadamu....."(1)

membuat Rasulullah s.a.w. benar-benar merasa surah ini dihadapkan kepada dirinya apabila beliau mendengarnya. Seolah-olah surah ini baru pertama kali diterima secara langsung dari Tuhannya, kerana hati Rasulullah s.a.w. amat peka terhadap firman Allah, amat sedar terhadap hakikatnya, dan kerana beliau merasa firman itu dikeluarkan terus kepadanya tanpa melalui pengantara sewaktu didengar oleh telinganya.

Kepekaan Rasulullah Dengan Surah Ini

Kata Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan oleh Ali ibn Muhammad al-Tanafisi, kami diceritakan oleh Abu Bakr ibn 'Abbas dari Abu Ishaq dan 'Imran ibn Maymun katanya: Nabi s.a.w. melintasi seorang perempuan yang sedang membaca " **هل أتاك حديث الغاشية**" lalu beliau berhenti mendengar dan menjawab, **"Ya. Berita itu telah sampai kepadaku."**

Walaupun demikian, ayat ini adalah ditujukan kepada semua orang yang mendengar surah ini. Berita Qiamat merupakan berita utama Al-Qur'an yang disebut berulang-ulang kali dalam bentuk peringatan, amaran dan penyampaian berita gembira untuk menggerakkan hati manusia supaya sentiasa sedar, takut, bertaqwa dan menaruh rasa bimbang, juga merangsangkan harapan dan angan-angan mereka. Kerana itu ia dapat menjadikan hati manusia sentiasa hidup, waspada, tidak mati dan tidak lalai.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 7)

Pemandangan 'azab

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?"(1)

Setelah itu Al-Qur'an menerangkan sebahagian dari peristiwa Hari Qiamat:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَاشِعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَاصِبَةٌ ﴿٣﴾
تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ آنِيَةٍ ﴿٥﴾
لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيعٍ ﴿٦﴾
لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنْ جُوعٍ ﴿٧﴾

"Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang tunduk hina-dina(2). Mereka telah bekerja keras dan letih lesu(3). Mereka memasuki Neraka yang amat panas(4). Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan."(7)

Bekerja Kuat Di Dunia Tetapi Hasilnya Kosong Di Akhirat

Ia menayangkan pemandangan-pemandangan 'azab sebelum menayangkan pemandangan-pemandangan kesenangan dan keni'matan sesuai dengan suasana namanya **الغاشية** (yang menyelubungi manusia dengan segala malapetakanya). Pada hari itu, terdapat golongan manusia yang berwajah muram, hina-dina dan letih lesu. Mereka di dunia bekerja begitu kuat dan penat, tetapi hasil tidak membangga dan menggembirakan mereka, tidak dihargai dan diredhai mereka. Apa yang didapati mereka hanya kecelakaan dan kerugian, dan ini menambahkan lagi penderitaan dan kemeranaan mereka. Mereka bekerja begitu kuat dan penat di dunia, tetapi kerja mereka bukan kerana Allah dan bukan kerana Sabilullah. Mereka bekerja kuat untuk kepentingan diri mereka dan kepentingan anak-anak mereka. Mereka bekerja penat untuk kepentingan-kepentingan dunia dan

tamak haloba mereka, kemudian mereka memperolehi hasil panat lelah mereka. Di dunia mereka mendapat kesusahan tanpa memperolehi bekalan ke Akhirat, sedangkan di Akhirat pula mereka memperolehi nasib yang hitam yang menjerumuskan mereka ke dalam 'azab Allah. Mereka menghadapi kesudahan hidup mereka dengan hina-dina, letih lesu, kecewa dan hampa.

Di samping mengalami kehinaan, kelesuan dan keseksaan:

"Mereka memasuki Neraka yang amat panas." (4)

Di sana mereka mengalami keseksaan:

"Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan."(7)

Makanan Dan Minuman Dalam Neraka

Menurut satu pendapat الضريع itu ialah sejenis pokok dari api Neraka, ini berdasarkan hadith yang menceritakan tentang pokok Zaqqum yang tumbuh di dasar Neraka. Menurut satu pendapat yang lain الضريع ialah sejenis tumbuh-tumbuhan berduri di bumi yang dimakan oleh unta ketika ia masih menghijau dan apabila dipotong ia akan menjadi beracun dan tidak boleh dimakan unta. Sama ada tumbuh-tumbuhan yang berduri atau pokok dari api Neraka, kedua-duanya merupakan jenis makanan ahli Neraka, di samping minuman dari air danur yang keluar dari tubuh badan dan kulit orang-orang kafir di dalam Neraka dan sebagainya yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan.

Hakikat 'azab Di Akhirat Di Luar Kefahaman Manusia

Memang jelas bahawa kita di dunia ini tidak dapat memahami hakikat 'azab di Akhirat. Sifat-sifat 'azab yang diceritakan itu hanya untuk membolehkan kita menggambarkan kemuncak keseksaan yang bercampur kehinaan, kelesuan, kehampaan, bakaran api Neraka yang amat panas, minuman dari air panas yang mendidih dan makanan dari duri-duri yang tidak berguna. Dari seluruh gambaran ini dapatlah kita tanggapkan kemuncak keseksaan di Akhirat, sedangkan keseksaan Akhirat yang sebenarnya adalah lebih dahsyat lagi. Dan tiada siapa yang dapat menyifatkannya melainkan mereka yang mencapainya sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 16)

Pemandangan-pemandangan Ni'mat

Di sebelah yang lain pula terdapat:

"Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang halus berseri(8). Kerana mereka berpuashati dengan amalan-amalan mereka(9). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi(10). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

"Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir(12). Dan takhta-takhta yang tinggi(13). Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang.(14) Dan bantal-bantal yang terhampar(15). Dan permaidani-permaidani yang terhampar."(16)

Di sana pula terdapat golongan manusia yang muka mereka berseri-seri, senang-lenang dan puashati dengan balasan-balasan yang diperolehinya, mereka merasa senang kerana amalan-amalan mereka dihargai dan disanjungi dan kerana mereka mendapat ganjaran yang baik. Mereka benar-benar merasa keni'matan rohaniyah yang luhur itu iaitu perasaan puashati terhadap amalan-amalan mereka apabila mereka dapati amalan-amalan itu telah mendapat keredhaan Allah. Tiada yang lebih menyenangkan dari perasaan tenteram terhadap amalan yang baik dan perasaan puashati dengan balasannya kemudian melihat dirinya berada dalam keredhaan Allah Yang Maha Pemurah dan dalam Syurga yang penuh ni'mat, kerana itu Al-Qur'an lebih dahulu menyebut kebahagiaan jenis rohaniyah ini di antara ni'mat-ni'mat kesenangan dan kemewahan yang lain di, dalam Syurga. Kemudian ia menceritakan sifat-sifat Syurga dan keni'matan-keni'matannya:

Sifat-sifat Syurga

"Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi."(10)

Syurga itu sendiri terletak di tempat yang tinggi di samping mempunyai martabat dan darjat yang tinggi. Kedudukan yang tinggi itu mencetuskan implikasi istimewa dalam perasaan seseorang.

"Disana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

Ungkapan ini menimbulkan satu suasana sunyi, tenang, damai, tenteram, mesra dan puas, suasana berbisik-bisik di antara orang-orang yang disayangi dan dikasihi, suasana menjauh diri dari segala kata-kata yang sia-sia dan tidak berfaedah. Semuanya itu merupakan satu keni'matan dan kebahagiaan yang tersendiri, jika dikenangkan kehidupan dunia yang penuh dengan kata-kata yang sia-sia, penuh dengan pertengkaran, pergaduhan, perbantahan dan perseteruan, penuh dengan bunyi yang bising, hiruk-pikuk, riuh-rendah dan gegak-gempita. Ia menggambarkan ketenangan, keamanan, kesejahteraan, ketenteraman, kemesraan, keredhaan, bayangan yang lemah-lembut dalam ungkapan yang menarik:

لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةً ﴿١١﴾

"Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

Lafaz-lafaz ungkapan ini sendiri mencetuskan suasana rehat dan senang. Ia menggolek dengan lemah-lembut dan selesa menggeluarkan irama yang lembut, dan sentuhan ini menyarankan bahawa kehidupan orang-orang yang beriman di bumi yang jauh dari perdebatan dan percakapan yang sia-sia merupakan sebahagian dari kehidupan di dalam Syurga sebagai persediaan untuk mereka mencapai ni'mat yang mulia itu.

Demikianlah Allah mendahulukan sifat Syurga yang luhur dan gemilang ini di atas ni'mat-ni'mat Syurga yang lain. Setelah itu barulah ia menyebut ni'mat-ni'mat yang memberi kepuasan kepada pancaindera dalam bentuk yang dapat difahami manusia. Keni'matan-keni'matan itu disesuaikan dengan kehendak-kehendak ahli Syurga, iaitu keni'matan-keni'matan yang tidak diketahui melainkan oleh mereka yang akan mengecapinya sendiri.

"Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir."(12)

Maksudnya, di sana ada pancuran air yang memberi siraman dan keindahan, iaitu keindahan bergerak, memancut dan mengalir. Air yang mengalir itu membuat perasaan dan jiwa menjadi segar dan cergas. Ia merupakan keni'matan mata dan jiwa dari sudut yang halus yang menyerap ke segenap lubuk perasaan.

"Dan takhta-takhta yang tinggi."(13)

Kedudukan yang tinggi membayangkan kesucian dan kebersihan.

"Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang."(14)

Maksudnya, gelas-gelas itu siap diatur dan siap disajikan untuk diminum tanpa perlu diminta dan disediakan.

"Dan bantal-bantal yang tersusun rapi."(15)

Bantal-bantal itu disediakan untuk bersandar dengan selesa.

"Dan permaidani-permaidani yang terhampar."(16)

Maksudnya, ialah permaidani-permaidani yang berbulu yang dihampar di sana sini untuk perhiasan dan kerehatan.

Kita Tidak Dapat Memahami Hakikat Keni'matan-keni'matan Di Akhirat Selama Kita Berada Di Dunia

Semuanya itu merupakan ni'mat-ni'mat kesenangan yang dapat dilihat manusia contoh-contoh seumpamanya di bumi. Ni'mat-ni'mat itu disebut sedemikian rupa untuk mendekatkan kepada kefahaman manusia di bumi, sedangkan hakikat yang sebenar terpulanglah kepada selera di sana yang dikurniakan Allah kepada golongan manusia yang berbahagia.

Di antara usaha yang sia-sia ialah usaha membuat perbandingan-perbandingan dan penyelidikan-penyelidikan yang halus mengenai bentuk dan sifat ni'mat atau 'azab di Akhirat, kerana penduduk bumi berfikir dengan fikiran yang terikat dengan keadaan-keadaan yang wujud di bumi ini dan terbatas dengan suasana-suasana hidupnya. Andainya mereka telah berada di negeri Akhirat, maka segala hijab dan segala dinding akan terhapus, segala roh dan fikiran terlepas bebas, segala makna kata-kata akan berubah mengikut perubahan selera manusia di sana. Kerana itu segala apa yang akan berlaku di Akhirat merupakan perkara-perkara yang di luar kemampuan kita sekarang untuk mengetahuinya.

Sifat-sifat ni'mat yang dijelaskan oleh Allah kepada kita hanya berguna untuk menolong kita memahami dan menggambarkan kemuncak kelazatan, kemanisan dan keni'matan hidup yang kita tidak mampu mencapainya selama kita berada di sini. Ketika kita berada di Akhirat nanti, barulah kita dapat mengenal hakikatnya apabila Allah memuliakan kita dengan limpah kurnia dari keredhaan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Merenungi Kejadian-kejadian Alam

Setelah selesai menjelajah di alam Akhirat, maka Al-Qur'an membawa kita kembali ke alam dunia, iaitu sebuah alam yang menyarankan betapa besarnya kekuasaan Allah, betapa bijak pentadbiran-Nya, betapa istimewa dan uniknya penciptaan Allah yang

menunjukkan bahawa di sebalik pentadbiran dan perencanaan-Nya yang rapi itu, ada lagi suatu kehidupan selepas kehidupan dunia, ada lagi suatu urusan yang berlainan dari urusan bumi, dan ada lagi suatu kesudahan yang berlainan dari kesudahan mati:

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ﴿١٧﴾

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ رُفِعَتۡ ﴿١٨﴾

وَإِلَى ٱلۡجِبَالِ كَيۡفَ نُصِبَتۡ ﴿١٩﴾

وَإِلَى ٱلۡأَرۡضِ كَيۡفَ سُطِحَتۡ ﴿٢٠﴾

"Tidakkah mereka melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan?(17). Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?(18). Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?(19). Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?"(20)

Empat ayat yang pendek ini mengumpulkan bahagian-bahagian alam sekitar masyarakat Arab yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, di samping mengumpul bahagian-bahagian kejadian yang nyata di seluruh alam ini, iaitu kejadian langit, bumi, gunung-ganang dan unta yang mewakili seluruh haiwan yang lain dengan keistimewaan kejadiannya serta nilai khususnya di dalam masyarakat Arab.

Seluruh pemandangan ini terbentang kepada semua penglihatan manusia. Di mana sahaja mereka berada, mereka akan bertembung dengan langit, bumi, gunung-ganang dan haiwan. Walaupun sebanyak mana dan sejauh mana ilmu pengetahuan dan tamadun manusia, namun seluruh pemandangan ini tetap di dalam alam mereka dan di dalam kemampuan akal mereka untuk memahaminya, dan seluruh pemandangan-pemandangan ini menyarankan kepada mereka hikmat-hikmat yang wujud di sebalik penciptaannya apabila mereka menumpukan perhatian untuk mencari makna dan tujuan di sebaliknya.

Setiap kejadian itu mengandungi mukjizat dan keistimewaan ciptaan yang tidak ada tolok bandingnya. Kejadian-kejadian itu sahaja sudah cukup untuk menyarankan 'aqidah tauhid yang pertama. Oleh kerana itu Al-Qur'an mengajak semua manusia supaya merenungi dan menelitinya:

Ciri-ciri Keunikan Binatang Unta

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ﴿١٧﴾

"Tidakkah mereka melihat kepada unta bagaimana ia diciptakan?"(17)

Unta merupakan haiwan masyarakat Arab yang utama. Ia merupakan alat kenderaan dan pengangkutan mereka. Susu dan dagingnya menjadi makanan dan minuman mereka. Bulu dan kulitnya menjadi pakaian dan khemah mereka. Ia merupakan sumber utama kehidupan.

Di samping itu, unta mempunyai sifat-sifat yang tidak ada pada haiwan-haiwan yang lain. Walaupun bentuk tubuh badannya kuat, besar dan gagah, namun ia mudah dituntun. Ia akan mengikut dan patuh walaupun dituntun oleh kanak-kanak yang kecil. Walaupun kegunaan dan perkhidmatannya begitu besar, namun perbelanjaan memeliharanya kecil. Makanannya senang dan belanjanya murah. Ia merupakan binatang yang paling sabar dan tahan lasak. Ia tahan lapar, dahaga, penat dan gigih menghadapi keadaan-keadaan yang buruk. Selain dari itu, rupa bentuknya selaras dengan pemandangan alam yang ditayangkan dalam ayat-ayat ini sebagaimana akan diterangkan nanti.

Kerana itulah Al-Qur'an menarik pandangan orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka supaya memperhatikan hikmat penciptaan binatang unta yang ada di depan mereka, mereka tidak perlu pergi ke tempat lain dan tidak perlu kepada ilmu pengetahuan yang baru:

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ﴿١٧﴾

"Tidakkah mereka melihat kepada unta bagaimana ia diciptakan?"(17)

Tidakkah mereka melihat kepada rupa bentuk dan susunan kejadiannya kemudian cuba berfikir bagaimana unta itu diciptakan Allah dengan bentuk rupa yang begitu sesuai dengan tugas-tugasnya, sesuai dengan matlamat ciptaannya, dan sesuai dengan alam sekitarnya dan dengan seluruh kerjanya? Mereka tentulah tidak menciptakan unta itu, dan begitu juga unta tentulah tidak menciptakan dirinya sendiri. Oleh kerana itu tiada lain melainkan unta itu pastilah dijadikan oleh Tuhan Penciptanya. Ia dijadikan dengan pertukangan dan ciptaan yang tidak ada tolok bandingnya iaitu ciptaan yang membayangkan kekuasaan-Nya dan memastikin kewujudan-Nya, juga membayangkan betapa tinggi pentadbiran dan perencanaan-Nya.

Langit Di Padang Pasir

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ رُفِعَتۡ ﴿١٨﴾

"Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?"(18)

Arahan supaya hati manusia merenungi ke langit sering diulang-ulangkan di dalam Al-Qur'an. Dan orang-orang yang paling wajar merenung ke langit ialah penduduk-penduduk padang pasir. Di sana, langit mempunyai rasa dan seleranya, mempunyai kesan dan ilhamnya seolah-olah langit dalam erti yang sebenar itu tidak wujud melainkan di padang pasir.

Langit dan hari siangnya yang terang benderang. Langit dengan waktu senjanya yang menarik dan menawan indah dan mempesonakan. Langit dengan waktu terbenamnya matahari yang amat cantik dan memberi ilham. Langit dengan hari malamnya yang

sayup saujana, dengan bintang-bintangnya yang bergemerlapan dan dengan bisikan-bisikannya yang lembut, dan langit dengan waktu terbitnya matahari yang indah, segar dan cemerlang.

Inilah langit di padang pasir, tidakkah mereka merenunginya? Tidakkah mereka memperhatikan bagaimana ia ditegakkan begitu tinggi? Siapakah yang menegakkannya tanpa tiang meniang? Siapakah yang menaburkan di atasnya bintang-bintang yang tiada terbilang? Siapakah yang menjadikan keindahan, kecantikan dan saranan itu? Manusia tentulah tidak mengangkatkan langit yang tinggi itu, begitu juga langit tentulah tidak menegakkan dirinya sendiri. Oleh kerana itu ia pasti mempunyai penciptanya. Kesimpulan ini tidak memerlukan sebarang ilmu dan tidak pula memerlukan kepada usaha yang meminatkan minda. Pemerhatian yang penuh sedar dan insaf sahaja sudah cukup.

وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾

"Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?" (19)

Gunung-ganang Dalam Masyarakat Arab

Gunung-ganang dan bukit-bukau dalam masyarakat Arab merupakan tempat-tempat perlindungan dan merupakan teman dan sahabat. Pemandangannya yang menarik mengilhamkan kepada jiwa manusia rasa keagungan dan kehebatan di mana manusia kelihatan begitu kerdil berada di sampingnya. Mereka merasa tenang dan khusyu' kepada kehebatan gunung yang tinggi mengawan, tenang dan tenteram. Apabila jiwa manusia berada dalam pelukan gunung-ganang, ia menjadi begitu kepingin bertawajjuh kepada Allah dan merasa dirinya hampir kepada Allah dan jauh dari hiruk-pikuk kehidupan dunia dan titik-bengiknya. Oleh itu, bukanlah suatu usaha yang sia-sia dan bukan pula suatu kebetulan apabila Nabi Muhammad s.a.w. beribadat di dalam Gua Hira' di Bukit Thur. Malah bukanlah suatu usaha yang sia-sia apabila orang-orang yang mahu menyelamatkan nyawa mereka mencari perlindungan di gunung-ganang untuk beberapa masa.

Pandangan sepintas kepada gunung-ganang di sini sesuai dari segi penggambaran dengan tabi'at pemandangan ini sebagaimana akan diterangkan nanti:

Bumi Yang Terhampar Luas

وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

"Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?"(20)

Bumi itu terhampar luas di depan mata, memberi sepenuh kemudahan untuk manusia hidup, berjalan dan bekerja. Manusia tentulah tidak menghampar dan meratakan bumi itu, kerana bumi itu sudah pun siap terhampar sebelum mereka wujud di alam ini. Tidakkah mereka berfikir dan merenungi hikmat di sebaliknya dan menanyakan diri mereka. "Siapakah yang menghampar dan meratakan bumi begini?"

Pemandangan-pemandangan itu mengilhamkan sesuatu di dalam hati apabila ditonton dengan pandangan yang insaf dan penelitian yang sedar. Dengan pandangan seperti ini sudah cukup untuk menggerakkan kesedaran, menghidupkan hati dan membangkitkan roh supaya bertawajjuh kepada Allah yang menciptakan seluruh makhluk ini.

Marilah kita berdiri sejenak di hadapan keindahan gambaran pemandangan alam yang dilukiskan oleh Al-Qur'an untuk melihat bagaimana Al-Qur'an berdialog dengan kesedaran keagamaan yang wujud dalam jiwa manusia dengan menggunakan bahasa seni keindahan, dan bagaimana kedua-duanya boleh bertemu dalam hati orang yang beriman yang menyedari keindahan alam.

Pemandangan umum yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengandungi pemandangan langit yang tinggi dan bumi yang terhampar, dan di ruang lintang yang memanjang kelihatan banjaran gunung samar-samar dengan mercunya yang mencakar langit dan di sampingnya kelihatan haiwan unta dengan kelasannya yang tinggi. Dua barisan mendatar dan dua garis tegak yang tergambar di dalam satu pemandangan yang besar di satu ruang yang amat luas. Ia merupakan sebuah lukisan yang mempunyai dimensi yang seimbang dan hala-hala yang selaras mengikut cara Al-Qur'an dalam menayangkan pemandangan-pemandangan dengan pengungkapan-nya menggunakannya ilustrasi secara umum.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 26)

Tugas Rasulullah Hanya Menyampai

Sekarang setelah selesai penjelajahan pertama di alam Akhirat dan penjelajahan yang kedua di dalam pemandangan-pemandangan alam dunia yang terbentang, Al-Qur'an berpaling pula kepada Rasulullah s.a.w. mengingatkan beliau terhadap batas-batas kewajipannya dan tabi'at tugasnya dan menyentuh hati manusia dengan peringatan akhir yang menyedarkan:

فَذَكِّرْ إِنَّمَآ أَنتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾

لَّسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾

إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾

فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾

إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Sampaikan peringatan kerana tugas engkau hanya sebagai penyampai peringatan sahaja(21). Engkau bukannya bertugas sebagai pemaksa ke atas mereka(22). Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar(24). Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26)

Oleh itu, berilah peringatan kepada mereka. Peringatkan mereka dengan alam Akhirat dan segala isinya, dan peringatkan mereka dengan kejadian alam dunia dan segala isinya. Tugasmu ialah memberi peringatan. Inilah sahaja batasan tugasmu, dan inilah sahaja perananmu dalam da'wah. Selain dari itu tiada lagi tugas dan tanggungjawabmu. Hendaklah engkau memberi peringatan, kerana engkau diberi kemudahan dan ditugaskan melaksanakannya:

"Engkau bukannya ditugas sebagai pemaksa ke atas mereka."(22)

Maksudnya, engkau tidak sedikit pun mempunyai kuasa di atas hati mereka hingga engkau dapat memaksa mereka beriman. Seluruh hati manusia berada di tangan qudrat Allah dan tiada seorang manusia pun dapat menguasainya.

Tujuan Jihad Bukan Untuk Memaksa Manusia

Fardhu jihad yang diwajibkan ke atas orang Mu'min bukan untuk memaksa manusia beriman, malah untuk menghapuskan halangan-halangan yang menyekat da'wah sampai kepada manusia supaya mereka tidak dihalang dari mendengar da'wah dan tidak dianiayai dan ditindas kerana agama mereka apabila mereka menerima da'wah. Tegasnya tujuan jihad ialah untuk menghapuskan rintangan-rintangan di dalam usaha menyampaikan peringatan kepada manusia kerana itulah satu-satunya tugas yang dimiliki Rasulullah.

Serahkan Urusan Penerimaan Da'wah Kepada Perencanaan Allah

Saranan yang mengatakan bahawa peranan Rasulullah s.a.w. di dalam urusan da'wah ialah memberi peringatan dan menyampaikan ajaran Allah adalah diulang-ulang di dalam Al-Qur'an kerana berbagai-bagai sebab: Yang utamanya ialah untuk membebaskan Rasulullah s.a.w. dari memikul beban kerungsingan selepas menyampaikan da'wah kepada manusia, dan menyerahkan urusan itu, kepada perencanaan Allah yang akan menentukannya menurut iradat-Nya. Desakan keinginan manusia yang beriman supaya da'wah yang baik itu tetap menang dan diterima orang ramai merupakan satu desakan yang amat kuat, yang memerlukan kepada saranan-saranan seperti ini yang berulang-ulang kali agar penda'wah mengeluarkan dirinya dan keinginannya yang seperti itu dari bidang da'wah. Kewajipannya ialah terus berda'wah tanpa memikirkan sejauh mana da'wahnya disambut dan diterima, dan sejauh mana hasil usahanya. Ia tidak perlu menyusahkan dirinya dengan kerungsingan-kerungsingan memikirkan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang enggan beriman. Ia tidak perlu menyusahkan hatinya dengan kerungsingan-kerungsingan yang berat apabila da'wahnya menghadapi gangguan-gangguan yang buruk, apabila sambutan berkurangan dan apabila penentang-penentang da'wah semakin ramai.

Arahan-arahan Allah yang seperti ini berulang-ulang kali disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. Beliau yang memang bersopan santun terhadap Allah dan mengenal batas-batas tugasnya adalah menunjukkan adanya desakan keinginan yang kuat dari manusia yang beriman supaya da'wah Allah itu tetap menang dan diterima orang ramai kerana kebaikan dan rahmat yang dibawa olehnya. Untuk mengatasi desakan keinginan inilah perlunya diberi rawatan dan pengubatan yang berulang-ulang kali.

Serahkan Tugas Menghukum Orang-orang Yang Menolak Da'wah Kepada Allah

Tetapi walaupun batas tugas Rasulullah s.a.w. itu ditentukan sekadar menyampaikan sahaja, namun perkara ini tidak berakhir setakat itu sahaja. Ia tidak bermakna bahawa orang-orang yang menentang da'wah itu akan selamat, kerana di sana ada hukuman Allah dan kepada Allah terserah teraju segala urusan:

إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾
فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾

"Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar."(24)

Mereka pasti akan pulang kepada Allah dan Allah tetap menghukum mereka. Kemudian surah ini diakhiri dengan ungkapan, yang pasti dan tegas:

إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾
ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُم ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26)

Tugas Jihad

Dengan penjelasan ini peranan Rasulullah s.a.w. di dalam da'wah dan peranan penda'wah-penda'wah yang datang selepas beliau telah dihadkan pada batasnya yang tertentu, iaitu tugas engkau ialah memberi peringatan dan selepas itu terserah kepada Allah urusan menghisabkan amalan-amalan mereka. Mereka tetap akan kembali kepada Allah. Mereka tidak mungkin melepaskan diri mereka dari Hisab dan hukuman Allah. Tetapi hendaklah difaham bahawa setengah dari tugas menyampaikan da'wah ialah meng-hapuskan halangan dan rintangan supaya

da'wah sampai kepada manusia. Inilah tugas jihad yang difahamkan dari Al-Qur'an dan dari sirah Rasulullah s.a.w. tanpa kecuaian dan keterlaluan.

* * * * * *